

TEACHER EVALUATION FRAMEWORK FOR THE TARANNUM KKQ TEACHING COURSE BASED ON CIPP EVALUATION CONCEPT

KERANGKA PENILAIAN GURU TERHADAP PENGAJARAN KURSUS TARANNUM KKQ BERDASARKAN KONSEP PENILAIAN CIPP

Mohd Zaini Zakariaⁱ, Muhamad Amar Mahmadⁱⁱ & Mohd Nizho Abdul Rahmanⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding Author). Calon Doktor Falsafah Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia. zainialbinjali69@gmail.com.

ⁱⁱ Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia. m.amar@uum.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia. nizho@uum.edu.my

Abstract	<i>Assessment refers to the process of assessing the level of success or effectiveness of a certain aspect or the entire curriculum or course, in terms of objective validity, connection and sequence, as well as the achievement level of a particular educational goal. In promoting the Quranic in education, the Ministry of Education Malaysia has introduced the Quranic Competency Class (KKQ) in secondary schools aimed at producing students who are literate, understand and inculcate the Quran in their daily life. However, this objective will never be achieved without the program assessment, particularly by the designated teachers to obtain feedback on its effectiveness and suggestions for improvement. Therefore, a specific framework should be developed and introduced for teachers' assessment of Tarannum course. This qualitative research involves document analysis, interviews and observations as a means of collecting data and research information. Based on the findings, a specific framework has been proposed by modifying the CIPP assessment model from Daniel L. Stufflebeam according to the Tarannum KKQ course.</i> Keywords: <i>Assessment, Teachers, Students, Model, Tarannum.</i>
Abstrak	<i>Penilaian merujuk kepada proses pengkajian tahap kejayaan atau keberkesanan sesuatu aspek atau keseluruhan kurikulum atau kursus dari segi kesahihan objektif, kaitan dan urutan isi serta tahap pencapaian matlamat pendidikan yang ditetapkan. Dalam memartabatkan bidang al-Quran dalam pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) di sekolah menengah bertujuan untuk menghasilkan pelajar yang celik, memahami seterusnya membudayakan al-Quran dalam kehidupan seharian. Namun begitu, matlamat ini tidak akan tercapai sekiranya penilaian program ini tidak dilakukan khususnya oleh para guru yang mengajar untuk mendapatkan maklumbalas keberkesanannya serta ruang penambahbaikan program tersebut. Justeru, suatu kerangka penilaian yang khusus untuk penilaian para guru terhadap kursus Tarannum ini harus dibina dan diperkenalkan untuk proses tersebut. Kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan analisis dokumen, temu bual dan pemerhatian sebagai kaedah pengumpulan data dan maklumat kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa suatu kerangka penilaian telah disyorkan berdasarkan model penilaian</i>

	<i>CIPP yang diperkenalkan oleh oleh Daniel L. Stufflebeam telah diubahsuai mengikut kesesuaian kursus Tarannum KKQ itu sendiri.</i>
	Kata Kunci : <i>Penilaian, Guru, Pelajar, Model, Tarannum.</i>

PENDAHULUAN

Pendidikan al-Quran merupakan asas penting dalam pembangunan dan pembentukan modal insan untuk negara. Melalui dimensi pendidikan ini telah menyediakan kemahiran, nilai dan ilmu pengetahuan kepada generasi demi generasi bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan memakmurkan negara serta kemajuan ummah. Hal ini bertepatan dengan aspirasi kerajaan Malaysia, menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia di mana kerajaan perlu memastikan sistem pendidikan negara berfungsi secara berkesan dan sistematik untuk menjayakan Model Baru Ekonomi, Program Transformasi Ekonomi, dan Program Transformasi Kerajaan yang menjadi asas perkembangan ekonomi negara dalam persaingan ekonomi global (PPPM 2013-2025) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Bagi melaksanakan aspirasi ini, tanggungjawab guru amat penting dalam usaha menerajui dan merintis perubahan demi melonjakkan institusi dan sistem pendidikan Islam ke tahap dunia pada tahun 2020 serta melahirkan pelajar yang memberi sumbangan kepada kemakmuran negara yang mempunyai asas kemahiran al-Quran yang mantap dalam kehidupan mereka.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kemahiran al-Quran merupakan kemahiran utama yang perlu dikuasai oleh seseorang muslim. Ini kerana penguasaan terhadap kemahiran ini berkait rapat dengan keupayaan seseorang dalam menjalankan kehidupan sebagai muslim yang berjaya dalam kehidupan. Al-Qabisi (1955) meletakkan kemahiran al-Quran sebagai aspek pertama yang perlu diajar kepada kanak-kanak sebelum mengajarkan pengetahuan yang lain. Berdasarkan pernyataan ini, jelas bahawa tuntutan untuk mempelajari al-Quran begitu besar ke atas umat Islam.

Dalam pengajaran al-Quran guru perlu menguasai segenap aspek kemahiran al-Quran secara sepenuhnya. Selain itu, guru harus menyelami dan menghayati segala keistimewaan dan kelebihan isi al-Quran dan kemudian disampaikan kepada pelajar dalam waktu tertentu untuk menyuburkan minda, menerbitkan rasa cinta kepada al-Quran serta meningkatkan perasaan suka untuk mendengar, membaca, dan mempelajari al-Quran (Mohd Yusuf, 2000). Dengan demikian, tugas untuk mengajarkan kemahiran al-Quran kepada pelajar menjadi lebih mudah dan sudah tentu pada akhirnya, matlamat untuk mewujudkan penghayatan al-Quran dalam jiwa pelajar akan tercapai (Al-Qabisi, 1955).

Bagi mencapai matlamat kemahiran al-Quran ini, kerajaan melalui inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz Al-Quran (KKQ) untuk Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) pada tahun 1986 kemudian diperluaskan ke seluruh sekolah menengah kebangsaan yang mempunyai Kelas Aliran Agama (KAA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI). Kurikulum KKQ dibahagikan kepada enam kursus iaitu Tajwid, Qiraat, Tarannum, Hafazan, Ulum al-Quran dan Rasm Uthmani.

Walaupun sudah mencecah tiga dekad penubuhannya, Kelas Khas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran (KKQ) masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperkasakan selain penambahbaikan dan ruang pemurnian dalam program ini khususnya dalam bidang pengajaran Tarannum (Aderi, 2011). Selain itu, program ini juga belum pernah diberi sebarang penilaian secara khusus oleh para guru yang menjalankan aktiviti pengajaran setelah 30 tahun penubuhannya untuk melihat keberkesanannya serta ruang penambahbaikan program tersebut (Uthman Azumi, 2018).

Justeru suatu kajian perlu dilakukan dengan mewujudkan suatu bentuk model atau kerangka penilaian yang khusus untuk menilai pelaksanaan pengajaran tersebut yang meliputi pelbagai aspek seperti matlamatnya yang meliputi objektif dan halangannya, perancangan yang meliputi persediaan guru serta bahan pengajaran, proses pengajaran yang merangkumi strategi dan kaedah penilaian dan hasil daripada yang merangkumi aspek kemahiran dan nilai al-Quran daripada perspektif guru yang menjalankan pengajaran tersebut.

Bagi menjalankan kajian ini, Model penilaian CIPP yang telah diperkenalkan oleh Stufflebeam & Shinkfield (200) yang telah dilakukan penambahbaikan adalah suatu model yang paling sesuai digunakan sebagai asas kerangka konseptual kajian kerana model ini menggambarkan bagaimana penilaian boleh menyumbang kepada proses membuat keputusan dalam amalan pendidikan khususnya pengajaran Tarannum dalam KKQ. Ini bersesuaian sekali dengan matlamat kajian ini yang memerlukan keputusan sama ada perlu mengubahsuai atau menambah baik aspek yang didapati tidak sesuai dan mengganggu proses pelaksanaan kursus ini (Azizi Jaafar, 2015).

Model ini juga berfokuskan secara khusus kepada penilaian yang bermatlamatkan kesan jangka panjang dan penambahbaikan berterusan dan pengawalan terhadap perancangan, penyusunan dan pelaksanaan program (Azizi Yahaya, 2009 dan Azmil Hashim, 2010).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan analisis dokumen dan temu bual. Peserta temubual dalam kajian ini adalah terdiri daripada 5 orang guru tarannum program Kelas Kemahiran al-Quran yang terlibat dalam Seminar Kesepakatan dan Pemantapan Profesionalisme PDPC Guru-Guru Zon Utara (Kedah/Perlis) yang berlangsung di Dewan Seminar Zaaba Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman pada 22 Ogos 2017. Temu bual digunakan bagi tujuan membolehkan pengkaji mengumpul pendapat, pemikiran, pandangan dan pengalaman dalam bentuk pernyataan langsung daripada peserta kajian yang terlibat (Alizah, 2015).

SOROTAN LITERATUR

Model penilaian CIPP bermaksud konteks (*Context*), *input*, proses (*Process*) dan produk (*Product*). Model ini telah dipelopori oleh Daniel L. Stufflebeam semenjak tahun 1960an hasil daripada pengalamannya dalam projek penilaian pendidikan di *Ohio Public School District* berdasarkan kepada model *The Phi Delta Kappa Comitee* (1969). Model CIPP merupakan satu kerangka yang komprehensif dalam mengawal penilaian sesuatu projek, program, individu, produk, institusi dan sistem. Ianya merupakan satu model penilaian yang mengutamakan kepada kesan jangka panjang dan penambahbaikan yang berterusan (Stufflebeam, 2003). Ornstein dan Hunkins (1998) menyatakan bahawa model CIPP ini telah memberikan sumbangan dari segi penghasilan keputusan dalam penilaian sesuatu program pendidikan.

Stufflebeam (2003) telah memperkenalkan empat elemen penting dalam penilaian iaitu konteks, *input*, proses dan produk. Menurut beliau, model CIPP ini telah mengalami perkembangan sebanyak lima kali. Model pertama telah diperkenalkan lebih 37 tahun yang lalu yang lebih menekankan keperluan kepada penilaian proses dan penilaian produk (Stufflebeam, 1966). Setahun kemudian, berlaku penambahbaikan dengan penambahan penilaian terhadap konteks, *input*, proses dan produk dengan menegaskan bahawa matlamat seharusnya dikawal melalui penilaian konteks yang terdiri daripada penilaian terhadap keperluan.

Manakala perancangan program dikawal melalui penilaian *input* yang terdiri daripada penilaian terhadap alternatif strategi program (Stufflebeam, 1967). Perubahan terhadap model CIPP terus berlaku dengan melakukan penyelarasan terhadap keempat-empat elemen penting dalam penilaian ini dengan mempunyai sistem dan kerangka yang berorientasikan penambahbaikan (Stufflebeam et al., 1971).

Penilaian konteks merupakan langkah awal dan asas serta ia langkah yang mendasari penilaian seterusnya. Penilaian konteks bertujuan mengenalpasti perbezaan antara tujuan asal kurikulum itu dilaksanakan dengan status semasa kurikulum ini dijalankan. Ia menilai situasi semasa yang sedia ada dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum. Ia melihat sejauh mana keselarasan objektif dan keutamaan sesuatu objektif program dalam kondisi sebenar (Stufflebeam, 2003).


Penilaian *input* pula bertujuan bagi menilai perancangan dan sumber yang boleh diperolehi untuk digunakan dalam proses pelaksanaan kurikulum (Stufflebeam & Shinkfield, 1985). Tambahan lagi Stufflebeam (1987), menyatakan bahawa penilaian *input* juga bertujuan untuk melakukan penganalisaan dan penilaian terhadap aktiviti-aktiviti, strategi-strategi dan prosedur-prosedur sesuatu program sama ada menepati objektif dan matlamat yang telah terbina ataupun sebaliknya. Ia juga mengawal dan memperbaiki perancangan kurikulum (Stufflebeam & Shinkfield, 1985).

Penilaian proses merupakan penilaian terhadap proses atau tindakan yang telah dibina. Ia juga merupakan peninjauan berterusan dan terancang. Maklumat yang diperolehi pada penilaian proses ini akan menjadi kayu ukur terhadap kejayaan sesuatu program melalui pelaksanaan strategi, aktiviti, prosedur program sama ada matlamat yang ditetapkan tercapai atau sebaliknya. Penilaian proses juga memberi impak positif terhadap penambahbaikan program dan aktiviti yang dilakukan agar selaras dengan persekitaran dan komuniti (Stufflebeam, 1987).

Penilaian produk ataupun penilaian hasil bertujuan untuk mengaitkan matlamat, konteks, *input* dan proses dengan hasil program. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menilai hasil pelaksanaan pencapaian yang diperolehi daripada kurikulum tersebut (Stufflebeam dan Shinkfield, 1985). Aras kejayaan sesuatu program dapat dinilai melalui perubahan yang telah berlaku (Stufflebeam, 1987).

Penilaian ditentukan melalui kajian semula terhadap objektif, mengukur kriteria-kriteria yang menentukan pencapaian objektif dan membuat interpretasi terhadap dapatan daripada konteks, *input* dan proses. Penilaian ini akan memberikan maklumat yang akan menentukan sama ada sesuatu program itu perlu diteruskan, ditamatkan atau sekadar perlu kepada penambahbaikan (Stufflebeam & Shinkfield, 1985). Ia sebagaimana dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Model CIPP



Setiap penilaian perlulah mempunyai tiga perkara penting iaitu mengumpul maklumat keperingkat yang maksimum, mengorganisasikan maklumat dengan menggunakan statistik dan pengukuran serta melaporkan maklumat yang telah dianalisis (Stufflebeam & Shinkfield, 1985).

Model penilaian CIPP disusun secara sistematik dengan mengkategorikan setiap aspek penilaian mengikut dimensi CIPP iaitu konteks, *input*, proses dan produk. Ia bersifat menyeluruh kerana penilaiannya adalah dari pelbagai dimensi dan ia juga boleh diukur

secara berasingan atau secara berpasangan atau secara keseluruhannya. Misalnya penilaian dimensi proses sahaja, atau penilaian dua pasangan dimensi proses dan produk atau penilaian keempat-empat dimensi konteks, *input*, proses dan produk.

Justeru keistimewaan ini memberi kebebasan kepada perancangan dasar untuk membuat penambahbaikan dalam dimensi-dimensi itu secara berpasangan atau secara menyeluruh (Stufflebeam & Shinkfield, 1985). Dalam model ini, Stufflebeam (1985), mementingkan penyediaan maklumat dan penekanan kepada pengumpulan data untuk tujuan penganalisan. Maka dalam hal itu, beliau turut memberi definisi penilaian sebagai aktiviti mengumpul dan menyediakan maklumat untuk mendapatkan keputusan yang terbaik.

Terdapat empat perkara penting dalam penilaian menurut Stufflebeam dan Shinkfield (1985). Pertama, penilaian adalah petunjuk atau panduan kepada keputusan yang diambil. ia akan memberi maklumat yang berguna kepada pembuat keputusan. Kedua, penilaian adalah proses pusingan yang lengkap dan berterusan maka ia perlu dilaksanakan melalui satu program yang bersistematik. Ketiga, penilaian memerlukan tiga langkah utama iaitu gambaran yang lengkap, pengumpulan maklumat dan penyediaan maklumat. Langkah ini adalah asas utama metodologi kajian penilaian. Keempat, proses penilaian juga adalah satu aktiviti yang telus.

Dalam kajian ini penulis telah mengadaptasikan model CIPP untuk merangka suatu kerangka penilaian guru terhadap pelaksanaan pengajaran Tarannum dalam program KKQ yang telah dijalankan di sekolah menengah di seluruh Malaysia.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian daripada hasil penganalisan literatur dan temubual yang dijalankan serta pemerhatian terhadap pengajaran para guru KKQ, maka suatu kerangka penilaian guru terhadap pelaksanaan pengajaran Tarannum dalam program KKQ Kelas Kemahiran al-Quran di sekolah menengah berdasarkan model penilaian CIPP adalah disyorkan seperti berikut:

Konteks (Matlamat)

- a. Objektif
 - Pengetahuan spesifik perkembangan ilmu Tarannum, *Tabaqat* suara, Pengetahuan tujuh maqam utama iaitu *Bayyati, Soba, Hijaz, Rast, Sikah, Nahawand* dan *Jiharkah* serta istilah Khas Tarannum
- b. Halangan
 - Skop pengajaran, kurang kemahiran dan kepakaran, prasarana, sokongan pihak yang terlibat serta masa pengukuhan pengajaran.

Input (Perancangan)

- a. Persediaan Guru
 - Kemahiran Tarannum, objektif pengajaran, pengetahuan teori pengajaran serta perancangan pengajaran. Di samping itu aktiviti pengajaran, penggunaan kepelbagaian sumber.
- b. Sumber Pengajaran
 - Kandungan buku teks serta sumber pengajaran yang lain seperti CD room dan VCD.

Proses (Tindakan)

- a. Strategi Pengajaran
 - Aplikasi - Pemikiran kritis, pembelajaran masteri, pembelajaran kontekstual, pembelajaran akses sendiri dan teknologi maklumat serta komunikasi.
 - Kaedah/Teknik - Demontrasi bacaan, pembelajaran rakan sebaya, penyelesaian masalah, *talaqqi musyafahah*, pembentangan persembahan dan hafalan *tausyih*.

- Kesan - Kesan daripada aplikasi strategi yang diaplikasi dalam pengajaran iaitu pemikiran kritis, pembelajaran masteri, pembelajaran kontekstual, pembelajaran akses sendiri dan pembinaan pengetahuan.
- b. Penilaian Pengajaran
 - Prinsip - Kenalpasti, analisis, penetapan kriteria, pemantauan serta penyelarasan sukatan pelajaran Tarannum KKQ.
 - Kaedah - Ujian amali, persembahan, kuiz, penilaian rakan sebaya, kerja rumah dan konsultasi dengan pelajar
 - Format - Pengredan secara abjad, format lulus-gagal, format standard dan format tanpa gred.

Produk (Hasil)

- a. Kemahiran
 - Konsep dan perkembangan ilmu Tarannum, *Tabaqat* suara, Maqam utama Tarannum, Istilah khas ilmu tarannum, Pembacaan maqam-maqam utama Tarannum berdasarkan peranan dan sifatnya.
- b. Nilai
 - Kreativiti, kemahiran, personaliti, keteguhan, keazaman serta kebolehan ekspresi, pemahaman serta pengamalan dalam kehidupan.

Jadual 2: Jadual Kerangka Penilaian Guru Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Kursus Tarannum Berdasarkan Model CIPP

KERANGKA PENILAIAN GURU TERHADAP PENGAJARAN KURSUS TARANNUM KKQ			
Konteks (Matlamat)	Input (Perancangan)	Proses (Proses)	Produk (Hasil)
Objektif Pengetahuan spesifik perkembangan ilmu Tarannum, <i>Tabaqat</i> suara, Pengetahuan tujuh maqam utama iaitu Bayyati, Soba, Hijaz, Rast, Sikah, Nahawand dan Jiharkah serta istilah Khas Tarannum.	Persediaan Guru Kemahiran Tarannum, objektif pengajaran, pengetahuan teori pengajaran serta perancangan pengajaran. Di samping itu aktiviti pengajaran, penggunaan kepelbagaian sumber.	Strategi Pengajaran Aplikasi - Pemikiran kritis, pembelajaran masteri, pembelajaran kontekstual, pembelajaran akses sendiri dan teknologi maklumat serta komunikasi. Kaedah/Teknik - Demonstrasi bacaan, pembelajaran rakan sebaya, penyelesaian masalah, talaqqi musyafahah, pembentangan persembahan dan hafalan tausiyah. Kesan - Kesan daripada aplikasi strategi yang diaplikasi dalam pengajaran iaitu pemikiran kritis, pembelajaran	Kemahiran Konsep dan perkembangan ilmu Tarannum, <i>Tabaqat</i> suara, maqam- utama Tarannum, Istilah khas ilmu Tarannum, Pembacaan maqam-maqam utama Tarannum berdasarkan peranan dan sifatnya.

		masteri, pembelajaran kontekstual, pembelajaran akses sendiri dan pembinaan pengetahuan.	
Halangan Skop pengajaran, kurang kemahiran dan kepakaran, prasarana, sokongan pihak yang terlibat serta masa pengukuhan pengajaran.	Sumber Pengajaran Kandungan buku teks serta sumber pengajaran yang lain seperti CD room dan VCD.	Penilaian Pengajaran Prinsip - Kenalpasti, analisis, penetapan kriteria, pemantauan serta penyelarasan sukatan pelajaran Tarannum KKQ. Kaedah - Ujian amali, persembahan, kuiz, penilaian rakan sebaya, kerja rumah dan konsultasi dengan pelajar Format - Pengredan secara abjad, format lulus-gagal, format standard dan format tanpa gred.	Nilai Kreativiti, kemahiran, personaliti, keteguhan, keazaman serta kebolehan ekspresi, pemahaman serta pengamalan dalam kehidupan.

PENUTUP

Penilaian guru dalam pengajaran kursus tarannum program Kelas Kemahiran al-Quran merupakan salah satu yang penting ke arah mewujudkan keberkesanan sesuatu program dan ruang penambahbaikan yang seimbang dan holistik untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai penjana sumber manusia atau modal insan yang bukan sahaja mantap dengan pengetahuan al-Quran, bahkan memiliki ciri-ciri insan kamil. Oleh yang demikian, kerangka penilaian yang berteraskan kepada konteks (matlamat), input (perancangan), proses (tindakan) dan produk (hasil) dalam pengajaran Tarannum KKQ perlu dirangka dan disyorkan untuk melihat proses penilaian tersebut.

RUJUKAN

- Alizah Lambri. 2015. *Pelaksanaan Pengajaran Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Dalam Kursus Bahasa Melayu di Sebuah Universiti Awam*. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Qabisi, Abu Hasan Ali Muhammad Khalaf. 1955. *Al-Risalah Al-Mufasssalah Li Ahwal Al-Mu'allimin Wa Ahkam Al-Mu'allimin Wa al-Mutakallimin*. Kaherah: Dar Ihya' al Kutub al-Arabiyyah.
- Azizi Jaafar. 2015. *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah Berasaskan Model Context-Input-Proses-Product (CIPP)*. (Tesis Kedoktoran tidak diterbitkan) Universiti Utara Malaysia.
- Azizi Yahaya. 2009. Penggunaan Model KIPP dalam penilaian mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 20(10), 73-78.

- Azmil Hashim. 2010. *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri*. Tesis PhD (tidak diterbitkan), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. *Laporan Awal- Ringkasan Eksekutif Menengah Berasaskan Model Context-Input-Proses-Product (CIPP)*.
- Mohd Aderi, Che Noh. 2011. *Pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Quran di Malaysia: Satu Analisis*. Journal of Islamic and Arabic Education, 3(1), 47-58.
- Mohd Yusuf Ahmad. 2000. *Sejarah Dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Ornstein, A.C. & Hunkins, Francis P. 1998. *Curriculum, Principles and Issues*. Third Edition. Boston: Allyn And Bacon
- Stufflebeam Daniel L. & Shinkfield A. J. 1985. *Systematic Evaluation* Boston: Kluwer-Nijhoff.
- Stufflebeam, D. L., Foley, W. J., Gephart, W. J., Guba, E. G., Hammond, R. L., Merriman, H. O., & Provus, M. 1971. *Educational Evaluation And Decision Making*. Itasca, Il: F.E. Peacock.
- Stufflebeam, Daniel L. 1966. *A Depth Study Of The Evaluation Requirement. Theory Into Practice*, 5(3), 121-133.
- Stufflebeam, Daniel L. 1967. *The Use And Abuse Of Evaluation In Title III. Theory Into Practice* 6, 126-133.
- Stufflebeam, Daniel L. 1972. *The Relevance Of The CIPP Evaluation Model For Educational Accountability*. SRIS Quarterly, 5(1).
- Stufflebeam, Daniel L. 2003. *The CIPP Model For Evaluation*. Annual Conference Of The Oregon Program Evaluators Network (OPEN). Western Michigan University.
- Stufflebeam, Daniel L. 1987. *The CIPP Model For Program Evaluation*. Boston: Kluwer: Nijhoff Publishing.

Temubual

Uthman Azumi. 2018. Institut Perguruan Kedah. 12 Ogos 2018.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.